KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI PROJEK PEMBINAAN BLOK WANITA DAN KANAK-KANAK HOSPITAL MELAKA, MELAKA TENGAH, MELAKA

YB Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Projek Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-Kanak Hospital Melaka, Melaka Tengah, Melaka.

Sesi Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) dan Penyerahan Surat Pelantikan Pengarah Projek ini turut disaksikan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan.

Projek ini melibatkan kos pembinaan sebanyak **RM609.6 juta** dengan kos keseluruhan projek berjumlah **RM723.9 juta** merangkumi perolehan aset perubatan dan bukan perubatan, yang akan memperkukuh perkhidmatan kesihatan khusus untuk wanita dan kanak-kanak di negeri Melaka serta kawasan sekitarnya.

Projek pembinaan Blok Wanita dan Kanak-kanak Hospital Melaka ini akan dilaksanakan menggunakan kaedah **Reka dan Bina**, dengan tempoh pembinaan selama **260 minggu** dan dijangka siap pada **November 2031**. Pembangunannya mencerminkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan kesihatan awam demi kesejahteraan rakyat.

Blok baharu ini akan menyediakan kemudahan rawatan yang lebih menyeluruh serta persekitaran wad yang selesa, selamat dan kondusif untuk pesakit. Kemudahan dan peralatan yang disediakan juga akan menyokong petugas kesihatan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan, di samping meningkatkan keselesaan pelawat.

Selain meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, pelaksanaan projek ini dijangka membuka peluang pekerjaan dan merangsang pertumbuhan sektor sokongan di Melaka serta kawasan sekitarnya. Projek ini turut menyumbang kepada penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan akses di kawasan berkenaan.

Sejak tahun 2022 hingga kini, **Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah menyiapkan 42 projek fasiliti kesihatan bernilai RM4.2 bilion**. Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan JKR Malaysia dalam menyediakan infrastruktur kesihatan awam yang berkualiti untuk manfaat rakyat, selaras dengan agenda pembangunan Kerajaan MADANI.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
5 NOVEMBER 2026